

PENGARUH DAN FAKTOR TEKANAN PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK SEPANJANG PROSES PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Aziyati Zahirah Asnil Aimi
Ahmad Muaz Muhd Hairi
Nik Nur Syazwani Ibrahim
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: aziyatizahirah@kuim.edu.my

Article History:

Received : 6 November 2021
Accepted : 18 November 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Serangan wabak *corona virus* atau Covid-19 telah mengubah struktur pembelajaran pelajar mahasiswa dan mahasiswi di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini mempunyai dua objektif iaitu (i) mengukur tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian dan (ii) mengenal pasti faktor tekanan yang mempengaruhi pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan reka bentuk kajian tinjauan. Borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian iaitu seramai 242 orang pelajar DPAK yang telah mengikuti sesi pengajian bermula dari semester satu hingga enam. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian adalah berada pada tahap rendah dengan nilai min adalah min=1.67, sp=0.88. Faktor yang paling tinggi mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar DPAK ialah item (saya sering risau akan penilaian oleh pensyarah terhadap pencapaian akademik saya) dengan kekerapan sangat setuju yang paling tinggi iaitu seramai 51 orang (21.1%). Manakala item (Ibu bapa saya tidak mengambil berat tentang tugas pembelajaran atas talian saya ketika di rumah) merupakan faktor yang paling rendah mempengaruhi tekanan kepada pelajar dengan kekerapan sangat setuju seramai 10 orang (4.1%). Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar di peringkat IPT kurang mengalami tekanan sepanjang proses pembelajaran atas talian dan mula mengadaptasi perubahan proses pembelajaran ini. Hal ini memberikan kesimpulan bahawa pelajar IPT sudah boleh untuk mentadbir urusan dan menjalani pembelajaran atas talian dengan cara baik.

Kata Kunci: tekanan, pelajar, institut pengajian tinggi, pendidikan awal kanak-kanak

INFLUENCE AND STRESS FACTORS OF DIPLOMA STUDENTS IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION THROUGHOUT THE ONLINE LEARNING PROCESS

Abstrac

Corona virus or Covid-19 outbreak has changed the learning structure of students at Institution of Higher Learning in Malaysia. This study has two objectives which (i) measure the level of stress among DPAK students during online learning process and (ii) identify the stress factors that affect DPAK students during the online learning process. This study uses a quantitative approach that involves survey technique. Questionnaires were distributed to the respondents which 242 DPAK students who have attended study session starting from semester one until six. Findings of the study showed that the overall level of stress among DPAK students during online learning process was at a low level with a mean value of mean=1.67, sp=0.88. The highest factor influencing stress among DPAK students was the item (I am often worried about the assessment by lectures of my academic achievement) with the highest strongly agreeing frequency of 51 people (21.1%). While the item (My parents don't care about my online learning assignments while at home) was the lowest factor influencing stress on students with strongly agreeing frequency of 10 people (4.1%). Implication from this study show that students at the HLI level experience less stress throughout the online learning process and begin to adapt to these changes in the learning process. This gives the conclusion that HLI students are already able to govern and undergo online learning in a good way.

Keywords: *stress, student, institution of higher learning, early childhood education*

PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Dunia atau *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan wabak *corona* atau COVID-19 sebagai kecemasan kesihatan awam secara global yang menjadi kebimbangan antarabangsa pada 30 Januari 2020 dan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (Cucinotta & Vanelli, 2020). Peningkatan jumlah kes yang mendadak telah menimbulkan ketakutan serta kebimbangan dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia saban hari (Norhana et. al., 2020). Keadaan ini pastinya memberi kesan kepada pelbagai aspek dalam kehidupan dan antaranya memberi kesan serius kepada pelajar, pengajar serta organisasi pendidikan secara global (Mailizar et. al., 2020). Menurut Toquero (2020), situasi pandemik telah menyebabkan sekolah, kolej, dan universiti secara global telah menghentikan operasi dalam kampus supaya pelajar dapat mematuhi langkah penjarakan sosial. Situasi ini turut mewujudkan pembelajaran jarak jauh secara atas talian atau Online Distance Learning (ODL). Persekitaran pendidikan secara konvensional berubah kepada pembelajaran jarak jauh dan secara virtual (Muhammad & Kainat, 2020).

Selain itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa buat pertama kali di Malaysia berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 telah bermula pada 18 Mac 2020 menjadikan kawalan terhadap beberapa aktiviti sosial (Norhana et. al., 2020). Pelaksanaan PKP ini pastinya memberi kesan kepada masyarakat dan pastinya turut memberi kesan terhadap sektor pendidikan. Menurut Norhana et. al. (2020) juga, penutupan pusat pengajian menjadikan tuntutan pelaksanaan pembelajaran secara atas talian semakin meluas. Ketidakpastian terhadap pengakhiran situasi pandemik mendorong institusi pendidikan menggunakan sumber teknikal sedia ada bagi membina bahan pembelajaran atas talian untuk para pelajar dalam pelbagai bidang akademik (Kaur, 2020). Oleh itu, Muhammad dan Harliana (2021) mengatakan bahawa terdapat keperluan bagi semua pihak untuk memahami, mengikuti dan mematuhi norma baharu terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengalaman dan situasi sebegini pastinya mendatangkan tekanan yang pelbagai kepada individu khususnya pelajar (Norhana et. al., 2020). Pelbagai keadaan dapat menjadi sebab kepada tekanan kepada

pelajar. Antaranya seperti faktor talian internet yang pantas, mampu milik dan boleh dipercayai. Permasalahan sumber di institusi pendidikan seperti kekurangan akses kepada internet yang tersedia serta kekurangan sumber teknologi terkini memberi kesan kepada maklum balas daripada institusi serta kebolehan pelajar untuk melibatkan diri dalam pembelajaran digital (Zhong, 2020). Selain daripada kekangan yang berkaitan pembelajaran, situasi pandemik mungkin juga boleh menyumbang kepada tekanan dalam kalangan pelajar. Wang et. al. (2020) menyatakan bahawa penularan wabak menyebabkan tekanan, kemurungan serta kegelisahan dalam kalangan masyarakat semasa berhadapan dengan ketakutan terhadap kesan buruk yang mendatang. Tambahan lagi, tekanan yang dialami oleh pelajar boleh membawa kepada penurunan motivasi terhadap pembelajaran apabila mereka terpaksa menghadapinya sendirian tanpa bimbingan secara langsung daripada institusi pengajian (Thomas, 2020).

Pembelajaran atas talian juga semakin mendapat perhatian dalam kalangan pendidik apabila era pembelajaran norma baharu bermula akibat penyebaran wabak COVID-19 (Abdul et. al., 2020). Pembelajaran atas talian dapat membantu penyampaian pembelajaran dalam situasi ini namun terdapat juga beberapa kekangan dalam pelaksanaannya. Pelajar mungkin terdorong untuk mendapat tekanan serta depresi dan kemungkinannya dijangka akan meningkat semasa keadaan COVID-19 oleh kerana cabaran secara psikologi yang mereka hadapi setiap hari (Mirna & Ali, 2020). Menurut Mirna dan Ali (2020) juga, kekurangan interaksi sosial dan kekurangan aktiviti semasa tempoh pengasingan boleh meningkatkan kecenderungan penangguhan kerja serta perasaan tidak berguna. Keadaan sebegini boleh membawa kepada tekanan dan kebimbangan.

Sebagai seorang pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), tahap tekanan yang tinggi dan dibiarkan akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan kualiti diri mereka (Fauziah et. al., 2020). Antara perkara yang boleh memberikan tekanan kepada pelajar adalah harapan ibu bapa yang sterusnya menyebabkan ianya menjadi bebanan besar yang mungkin tidak dapat dipikul oleh anak-anak sebagai pelajar (Jayasankara et. al., 2018). Fauziah et. al. (2020) juga menyatakan isu tekanan dalam kalangan pelajar IPT sering dikaitkan dengan tugas di dalam kuliah serta perubahan gaya pembelajaran yang berbeza berbanding di sekolah. Kebanyakan pelajar di Malaysia juga mengalami tekanan yang berlebihan antaranya disebabkan oleh tekanan budaya setempat yang meletakkan bahawa pelajar perlu mendapat keputusan cemerlang bagi menjamin kedudukan kerjaya yang baik (Nur Hamizah et. al., 2018).

Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk melihat tahap serta faktor tekanan yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dalam menghadapi situasi pembelajaran atas talian secara jarak jauh. Berdasarkan matlamat utama ini, terdapat beberapa objektif dan persoalan kajian iaitu:

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengukur tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian.
- ii. Mengenal pasti faktor tekanan yang paling sedikit dan yang paling banyak mempengaruhi pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah ukuran tahap tekanan yang dialami oleh pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian?
- ii. Apakah faktor tekanan yang paling sedikit dan yang paling banyak mempengaruhi pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian?

SOROTAN LITERATUR

Pengalaman pengajaran dan pembelajaran atas talian merupakan norma baru kepada dunia pendidikan, khususnya kepada para pelajar yang belajar institusi pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan garis panduan yang memperincikan peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar untuk memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Khairiah, 2020). Namun begitu, terdapat banyak kekangan dan tekanan yang dihadapi oleh pelajar semasa melalui proses pembelajaran atas talian sewaktu PKP dijalankan. Kekangan yang dihadapi oleh pelajar semasa proses pembelajaran atas talian akan menyebabkan mereka ketinggalan dan seterusnya akan menimbulkan kegelisahan dan tekanan yang besar kepada diri mereka.

Kajian lepas menunjukkan bahawa kandungan pembelajaran dari aspek interaksi pembelajaran atas talian menunjukkan nilai min yang terendah, namun masih berada di tahap yang sederhana (Izzat, Zuriani & Hafizaliyana, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa para pelajar masih belum dapat menguasai atau memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah dengan baik semasa pengajaran atas talian sedang berlaku. Dapatan ini disokong Roslaili Anuar dan Wan Zamani (2015) yang menunjukkan kesediaan pelajar untuk menerima e-pembelajaran masih belum berubah. Perkara ini jika berterusan akan menyebabkan pelajar tertekan dan boleh mengakibatkan mereka tidak ada keyakinan untuk mendapatkan markah yang baik dalam peperiksaan akhir semester.

Isu mengenai infrastruktur dan kemudahan sumber merupakan antara kekangan yang dihadapi dan memberikan tekanan kepada pelajar semasa pembelajaran atas talian. Hapini *et al.* (2020) menyatakan bahawa kebanyakan negara sedang membangun khususnya Malaysia masih berdepan dengan masalah kemudahan fizikal, sokongan dan penyelenggaraan sumber-sumber ICT yang menjadi cabaran dalam penggunaan ICT dalam pendidikan. Keadaan ini sangat dirasai kepada pelajar institusi tinggi, khususnya institusi swasta. Kelajuan internet yang rendah menyebabkan kepada proses pembelajaran yang berlaku tidak lancar dan menyebabkan pelajar tidak dapat memahami isi kuliah yang ingin disampaikan. Ini sedikit sebanyak akan memberikan tekanan kepada pelajar untuk menguasai kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah.

Selain itu, penggunaan pembelajaran alam maya menuntut kepada kolaborasi antara ibu bapa dan pendidik. Ching Peng Hon (2020) menyatakan bahawa dalam era pandemik ini peranan pendidik diambil alih oleh ibu bapa. Erti kata lain, pendidikan atas talian ini banyak berlaku kepada pelajar yang tinggal di rumah bersama ibu bapa. Jika di rumah tersebut tidak dibantu oleh ibu bapa di dalam penyediaan peralatan dan persekitaran yang sesuai kepada pembelajaran atas talian, ia turut akan memberikan kesan dan tekanan kepada pelajar. Kemudahan internet, peralatan perhubungan seperti telefon pintar atau komputer riba dan ruang pembelajaran perlu disediakan oleh ibu bapa kepada anak mereka bagi memastikan pembelajaran yang berlaku berkesan. Pengintegrasian ICT dalam pendidikan harus diletarikan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa (Norazly & Juppri, 2021).

Saranan dari kerajaan kepada semua pendidik juga perlu diambil kira dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Bouhnik & Dshen (2014) menyatakan bahawa pendidik perlu sensitif dan bersifat membimbing apabila menggunakan *WhatsApp* dan *Telegram* kerana sesi interaktif yang tidak terkawal boleh menjejaskan emosi pelajar dan prestasi akademik. Keadaan ini memerlukan sokongan yang kuat daripada pensyarah untuk memastikan setiap pelajar yang melalui pembelajaran atas talian dipantau secara berkala. Penggunaan *WhatsApp* atau *Telegram* boleh digunakan sebagai medium interaksi soal jawab secara bertulis manakala penggunaan *Google Meet* atau *Zoom* boleh digunakan bagi interaksi dua hala secara lisan. Penggunaan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan menjadikan pembelajaran lebih berkesan walaupun terdapat beberapa kekangan dan ia dapat diatasi sekiranya ada kerjasama dari pelbagai pihak (Hazirah & Masayu, 2020).

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Responden kajian terdiri daripada pelajar yang telah mengikuti sesi pengajian bermula dari semester satu hingga enam seramai 242 orang. Borang soal selidik telah diedarkan melalui aplikasi *Google Form* dan *Whatsapp* kerana ianya mudah untuk diedarkan dan menggalakkan pelajar menjawab kerana ianya boleh dijawab pada bila-bila masa dan tidak kira di mana pelajar itu berada.

Borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah untuk menyelidik latar belakang responden. Bahagian B pula bertujuan untuk mengkaji tahap tekanan pelajar manakala Bahagian C bertujuan mengkaji faktor tekanan pelajar. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 23.0. Analisis dapatan kajian pula dilakukan secara analisis deskriptif bagi menjawab persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Segala bentuk data maklumat yang diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis borang soal selidik ke atas 242 orang pelajar DPAK. Perbincangan telah ditumpukan untuk menjawab objektif-objektif yang terdapat dalam kajian:

- i. Mengukur tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian.
- ii. Mengenal pasti faktor tekanan yang paling sedikit dan yang paling banyak mempengaruhi pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian.

Komponen I: Maklumat diri responden


Komponen ini akan menjelaskan beberapa maklumat mengenai responden yang terlibat secara deskriptif:

Jantina

Dalam kajian ini, terdapat 7 orang responden adalah lelaki (2.9%) manakala yang selebihnya adalah 235 orang responden perempuan (97.1%) yang terlibat. Bilangan dan peratusan bilangan responden mengikut jantina adalah seperti di dalam Jadual 4.1 dan Rajah 4.1.

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	7	2.9
Perempuan	235	97.1

Jadual 4.1: Bilangan responden mengikut jantina (N=242)




Rajah 4.1

Umur

Berdasarkan dapatan kajian ini, majoriti responden adalah berumur 18-20 tahun iaitu seramai 206 orang (85.1%) manakala yang selebihnya adalah 35 orang responden berumur 21-23 tahun (14.5%) dan terdapat hanya seorang responden (0.4%) yang berumur 24 tahun keatas. Bilangan dan peratusan bilangan responden mengikut umur adalah seperti di dalam Jadual 4.2 dan Rajah 4.2

Umur	Kekerapan n	Peratus (%)
18-20 tahun	206	85.1
21-23 tahun	35	14.5
24 tahun ke atas	1	0.4

Jadual 4.2: Bilangan responden mengikut umur (N=242)



Rajah 4.2

Komponen II: Objektif kajian

Komponen II ini akan menumpukan kepada objektif-objektif kajian yang dijelaskan pada pengenalan.

Dapatan objektif kajian (i): Mengukur tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian.

Bahagian ini adalah untuk membincangkan hasil kajian berkaitan dengan tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian yang dikategorikan kepada tiga tahap berdasarkan intepretasi skor min pada Jadual 4.3.

Nilai min	Kekerapan	Peratusan (%)	Tahap
<2.33	148	61.2	Rendah
2.331-3.66	27	11.2	Sederhana
>3.661	67	27.6	Tinggi

Jadual 4.3: Tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian. (N=242)

Berdasarkan jadual 4.3, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 148 orang (61.2%) mempunyai tahap tekanan yang rendah. Manakala lagi 67 orang responden (27.6%) berada pada tahap tinggi dan hanya 27 orang responden (11.2%) yang mempunyai tahap tekanan yang sederhana sepanjang proses pembelajaran atas talian. Secara keseluruhannya, tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian adalah berada pada tahap rendah dengan nilai min adalah min=1.67, sp=0.88.

Dapatan objektif kajian (ii): Mengenal pasti faktor tekanan yang paling sedikit dan yang paling banyak mempengaruhi pelajar DPAK semasa proses pembelajaran atas talian.

Bahagian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang paling banyak mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian yang dikategorikan berdasarkan intepretasi skala likert pada Jadual 4.4.

Skala	Interpretasi
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Jadual 4.4: Skala Likert

Berdasarkan skor analisis mengikut skala likert, dapat dirumuskan bahawa item yang kesebelas merupakan faktor yang paling banyak mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian iaitu item (saya sering risau akan penilaian oleh pensyarah terhadap pencapaian akademik saya) dengan kekerapan sangat setuju yang paling tinggi iaitu seramai 51 orang (21.1%). Manakala item yang ketiga pula iaitu item (Ibu bapa saya tidak mengambil berat tentang tugas pembelajaran atas talian saya ketika di rumah) merupakan faktor yang paling sedikit mempengaruhi tekanan kepada mereka dengan kekerapan sangat setuju hanya seramai 10 orang (4.1%) sahaja. Hasil analisis kekerapan kesemua item ini telah dintepretasikan dalam Jadual 4.5:

Item	Kekerapan Skala 5 (sangat setuju)	Peratusan (%)
1. Saya sering mempunyai perselisihan dengan ibu bapa semasa proses pembelajaran atas talian berlangsung di rumah	22	9.1
2. Ibu bapa saya tidak memahami kehendak pembelajaran atas talian saya ketika di rumah	19	7.9
3. Ibu bapa saya tidak mengambil berat tentang tugas pembelajaran atas talian saya ketika di rumah	10	4.1
4. Saya tidak memahami isi kandungan pembelajaran secara atas talian	29	12.0
5. Saya tidak dapat menumpukan perhatian apabila pembelajaran atas talian berlangsung lebih daripada 1 jam	47	19.4
6. Saya sukar melakukan tugas kursus semasa proses pembelajaran atas talian di rumah kerana kekurangan sumber seperti komputer dan talian internet yang baik	30	12.4
7. Saya menghadapi kekangan kewangan yang terhad untuk menyediakan keperluan pembelajaran secara atas talian	22	9.1
8. Saya tidak dapat menepati masa yang telah ditetapkan dalam jadual ketika berada di rumah	34	14.0
9. Saya sering risau akan pandangan rakan-rakan terhadap prestasi pencapaian akademik saya	39	16.1
10. Saya sering risau sekiranya saya tidak dapat menyesuaikan diri dengan rakan-rakan saya	21	8.7
11. Saya sering risau akan penilaian oleh pensyarah terhadap pencapaian akademik saya	51	21.1
12. Tugas kursus pembelajaran atas talian menghalang saya untuk berhibur	18	7.4

Jadual 4.5: Kekerapan skala 5 bagi kesemua item (N=12)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi di dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa perbincangan yang dapat dibuat. Analisis dapatan kajian yang pertama menunjukkan tahap tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian adalah berada pada tahap rendah.

Ini menunjukkan bahawa pembelajaran atas talian bukanlah satu tekanan kepada mereka bagi memastikan mereka dapat meneruskan pembelajaran seperti biasa apabila mendapat bantuan dan bimbingan daripada pensyarah mereka dengan baik seperti yang dinyatakan oleh Bouhnik & Deshen (2014) bahawa pendidik perlu sensitif dan bersifat membimbing apabila menggunakan *WhatsApp* dan *Telegram* kerana sesi interaktif yang tidak terkawal boleh menjejaskan emosi pelajar dan prestasi akademik. Hal ini boleh dikaitkan dengan satu item dalam soal selidik yang menunjukkan kekerapan sangat tidak setuju yang tinggi bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran atas talian adalah memenatkan mereka. Dapatan ini disokong oleh Thomas (2020) yang menyatakan bahawa pelajar mengalami tekanan semasa proses pembelajaran atas talian sekiranya tidak mendapat bimbingan secara langsung daripada institusi pengajian mereka.

Selain daripada itu, kesediaan untuk berubah dalam menerima proses pembelajaran atas talian daripada pelajar itu sendiri juga boleh mempengaruhi tahap tekanan mereka. Bertepatan dengan hasil kajian Roslaili Anuar dan Wan Zamani (2015) yang mendapati pelajar menjadi tertekan sehingga tidak berkeyakinan untuk mendapatkan markah yang baik kerana kesediaan pelajar untuk menerima e-pembelajaran masih belum berubah. Namun, memandangkan pandemik ini sudah pun hampir dua tahun melanda negara kita, sedikit sebanyak telah meningkatkan kesediaan mereka untuk menerima perubahan ini kerana telah melalui proses pembelajaran atas talian ini dalam tempoh yang agak lama. Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa kesediaan para pelajar dan bimbingan daripada pensyarah telah membantu mereka dalam mengurangkan tahap tekanan sepanjang proses pembelajaran atas talian ini.

Objektif kajian yang kedua pula telah dikenalpasti bahawa faktor yang paling banyak mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar DPAK sepanjang proses pembelajaran atas talian adalah kerana mereka sering risau akan penilaian oleh pensyarah terhadap pencapaian akademik mereka. Perkara ini berlaku kerana mereka risau apabila mendapat markah yang rendah daripada pensyarah kerana kekangan yang dihadapi seperti kurang interaksi bersemuka dengan pensyarah dan seterusnya boleh menjejaskan peluang mereka dalam mencari pekerjaan kelak. Turut menyokong faktor ini adalah melalui dapatan kajian yang diperolehi Nur Hamizah et. al. (2018) menyatakan kebanyakan pelajar di Malaysia juga mengalami tekanan yang berlebihan antaranya disebabkan oleh tekanan budaya setempat yang meletakkan bahawa pelajar perlu mendapat keputusan cemerlang bagi menjamin kedudukan kerjaya yang baik.

Manakala faktor yang paling sedikit mempengaruhi tekanan pembelajaran atas talian mereka adalah ibu bapa mereka tidak mengambil berat tentang tugas pembelajaran atas talian ketika di rumah. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa pelajar DPAK ini telah membantu dan memainkan peranan yang baik bagi memastikan anak-anak mereka dapat melakukan tugas pembelajaran dengan baik. Dapatan ini telah menyokong dapatan kajian Ching Peng Hon (2020) yang menyatakan bahawa dalam era pandemik ini peranan pendidik diambil alih oleh ibu bapa. Antara peranan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah dengan menyediakan kemudahan dan peralatan internet serta persekitaran pembelajaran yang sesuai kepada anak-anak mereka.

Antara implikasi daripada hasil kajian ini adalah pengkaji boleh mengetahui bahawa tahap tekanan para pelajar dalam proses pembelajaran atas talian ini boleh diatasi dari semasa ke semasa dengan peningkatan kesediaan dan bimbingan yang diperolehi. Selain daripada itu, didapati juga bahawa terdapat kepelbagaian faktor yang boleh mempengaruhi tekanan para pelajar tersebut. Oleh itu, Muhammad dan Harliana (2021) mengatakan bahawa terdapat keperluan bagi semua pihak untuk memahami, mengikut dan mematuhi norma baharu terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kajian yang telah dijalankan ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar di Institut Pengajian Tinggi dalam membuat pengukuran tekanan sepanjang menjalani proses pembelajaran atas talian yang diamalkan kini. Dapatan kajian ini juga dapat membantu dalam mengenal pasti faktor tekanan yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran atas talian. Melalui kajian ini didapati bahawa tahap tekanan pelajar adalah pada tahap yang rendah dan dapat diatasi dari semasa ke semasa. Berdasarkan dapatan kajian juga mendapati bahawa faktor tekanan yang berada pada tahap tinggi adalah kerisauan pelajar terhadap penilaian pensyarah ke atas pencapaian akademik pelajar. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini secara tidak langsung dapat memberikan penekanan terhadap kepentingan tanggungjawab daripada pihak pensyarah selain ibu bapa dalam membantu proses pembelajaran atas talian pelajar. Akhirnya, diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak terutamanya pelajar untuk sentiasa mengawasi keadaan tekanan mereka agar ianya tidak memberikan kesan negatif dalam jangka masa yang panjang.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin AlHaadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(12), 16–30. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>.
- Bohnik, D., & Deshen, M. (2014). WhatsApp goes to school: Mobile instant messaging between teachers and students. *Journal of Information Technology Education: Research*, 13, 217-231. <http://www.jite.org/documents/Vo113/JITEv13ResearchP217-231Bouhnik0601.pdf>
- Ching Peng Hon. (2020, April 28). *Strategic for preschools during Covid-19*. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/04/588183/strategies-preschools-during-coid-19>
- Cuiyan Wong, Riyu Pan, Xiaoyang Wan, Yilin Tan, Linkang Xu, Cyrus S.Ho, & Roger, C.Ho. (2020). Immediate psychological responses and associated factors during the initial stage of the 2019 Coronavirus Disease (COVID-19) epidemic among the general population in China. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17, 1729. doi:10.3390/ijerph17051729.
- Fauziah Ibrahim, Nur Athirah Ahmad Zaini, Nazirah Hassan, Ezarina Zakaria, & Khadijah Alavi. (2020). Mengukur tekanan dan jenis mekanisme penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Psikologi Manusia*, 34(2).
- Hapini Awang *et al.* (2020). Cabaran dalam melaksanakan teknologi maklumat dan komunikasi: Analisis kes persekitaran pembelajaran Maya-Frog serta strategi untuk melestarikan penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies* 1(1), 1-19.
- Jayasankara Reddy, K., Karishmarajanmenon, MS., & Anjanathattil. (2018). Academic stress and its sources among university students. *Biomedical & Pharmacology Journal*, 11(1), 531-537. <http://dx.doi.org/10.13005/bpj/1404>.
- Kaur, G. (2020). Digital Life: Boon or bane in teaching sector on COVID-19. *CLIO an Annual Interdisciplinary Journal of History*, 6(6), 416-427.
- Khairiah, N. K. (2020, Mac 28). Edu Ministry introduces guidelines on online teaching, learning platforms. *New Straights Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578945/edu-ministry-introduces-guidelines-online-teaching-learning-platforms>.
- Mirna Fawaz & Ali Samaha. (2020). E-learning: Depression, anxiety, and stress symptomatology among Lebanese university students during COVID-19 quarantine. *Nursing Forum*, 2021(56), 52-57. doi: 10.1111/nuf.12521.

- Muhammad Adam Senin & Harliana Halim. (2021). The administrator, teachers and parents' involvement in preschool during movement control order. *Southeast Asia Early Childhood Journal, Special Issues*(10), 10-24. <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ>.
- Muhammad Adnan & Kainat Anwar. (2020). Online learning amid the COVID-19 pandemic: Students' perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, 2(1). <http://www.doi.org/10.33902/JPSP.2020261309>.
- Muhammad Izzat, Zuriani Hanim & Nur Hafizaliyana. (2020). Persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian dalam era pandemik Covid 19. *Jurnal Kesidang*, volume 5 2020: 88-99
- Norazly Nordin & Juppri Bacotang. (2021). Isu dan trend penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol.10 (1), 2021 (99-107).
- Norhana Ahad, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Aslinda Mohd Noor, & Zazalli Lazin. (2020). Analisis faktor tekanan yang mempengaruhi pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor ketika perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 158-172.
- Nur Hamizah Hj. Ramli, Masoumeh Alavi, Seyed Abolghasem Mehrinezhad, & Atefeh Ahmadi. (2018). Academic stress and self-regulation among university students in Malaysia: Mediator role of mindfulness. *Behavioral Sciences*, 8(12). doi:10.3390/bs8010012.
- Nur Hazirah & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, Vol. 9, (18-28).
- Roslaili Anuar dan Wan Zamani Wan Zakaria. (2015). TPACK dalam Pendidikan Seni Visual: Satu kajian mengenai kesediaan pelajar menggunakan e-pembelajaran dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual. *Kupas seni: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 3.
- Thomas, E. (2020). Coronavirus: Impact On Young People With Mental Health Needs. Young Minds. https://Youngminds.Org.Uk/Media/3708/Coronavirus-Report_March2020
- Toquero, C.M. (2020). Challenges and opportunities for higher education amid the COVID-19 pandemic: The Philippine Context. *Pedagogical Research*, 5(4). <https://doi.org/10.29333/pr/7947>.
- Zhong, R. (2020, March 17). The coronavirus exposes education's digital divide. The New York Times. <https://www.nytimes.com/2020/03/17/technology/china-schools-coronavirus.html>